



## TAHAP KEMAHIRAN GENERIK DALAM MELAHIRKAN KEPEMIMPINAN MAHASISWA BERWIBAWA DI POLITEKNIK

### [LEVEL OF GENERIC SKILLS IN CULTIVATING CAPABLE LEADERSHIP IN POLYTECHNIC STUDENTS]

MOHAMAD IZZUDDIN HILMI MOHAMAD ZAINI<sup>1</sup>, ABU ZARRIN SELAMAT<sup>2</sup>,  
MOHD FAUZI ALI,<sup>1</sup> & MOHD HUSNI ABD HALID<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Department of General Studies, Politeknik Sultan Idris Shah, Sungai Lang, 45100 Sungai Ayer Tawar, Selangor, MALAYSIA.

<sup>2</sup> Faculty of Human Science, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA  
Correspondent Email: zarrin@fsk.upsi.edu.my

---

*Received: 19 December 2020*

*Accepted: 29 Januari 2021*

*Published: 15 Febuari 2021*

---

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap kemahiran generik dalam melahirkan budaya kepimpinan yang berkarisma terhadap mahasiswa di politeknik. Kajian yang dilakukan di Politeknik Sultan Idris Shah ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana data diperolehi menggunakan kaedah soal selidik. Konstruk instrumen yang menunjangi kajian ini ialah kemahiran komunikasi, kemahiran dalam kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan penyelesaian masalah di mana setiap konstruk mengandungi 10 item soalan. Data yang diperolehi di proses dengan menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science (SPSS)* v. 20. Sampel kajian yang digunakan merupakan semua ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah (MPP PSIS) yang terdiri daripada 27 orang. Dapatan kajian mendapati bahawa semua konstruk memperoleh keputusan min yang tinggi iaitu 4.40 pada konstruk kemahiran komunikasi, 4.36 pada konstruk bakat dalam kepimpinan, 4.41 pada konstruk kerjasama dalam kumpulan dan 4.19 pada konstruk penyelesaian masalah. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik ahli MPP PSIS dalam melahirkan pemimpin masa depan adalah sangat baik. Ini dapat disimpulkan pada dapatan peratusan keseluruhan bagi 4 konstruk tersebut iaitu 89.67% sementara min keseluruhannya pula ialah 4.34..

**Kata kunci:** Kemahiran generik, politeknik, MPP PSIS.

**Abstract:** This study aims to look at the level of generic skills in creating a charismatic leadership culture towards students in polytechnics. This study conducted at Sultan Idris Shah Polytechnic uses a quantitative approach where data is obtained using a questionnaire method. The instrument construct that underlies this study is communication skills, leadership skills, group collaboration and problem solving where each construct contains 10 question items. Data obtained in the process using the *Statistical Package for Social Science (SPSS)* application v. 20. The study sample used is all members of the Sultan Idris Shah Polytechnic Student Representative Council (MPP PSIS) consisting of 27 people. The findings of the study found that all constructs obtained high mean results of 4.40 on communication skills constructs, 4.36 on talent constructs in leadership, 4.41 on group collaboration constructs and 4.19 on problem solving constructs. These findings also indicate that the level of generic skills of PSIS MPP members in producing future leaders is very good. This can be deduced from the overall percentage of the 4 constructs which is 89.67% while the overall mean is 4.34.

**Keywords:** Generic skills, polytechnic, MPP PSIS.

**Cite This Article:**

Mohamad Izzuddin Hilmi Mohamad Zaini, Abu Zarrin Selamat, Mohd Fauzi Ali & Mohd Husni Abd Halid. (2021). tahap kemahiran generik dalam melahirkan kepimpinan mahasiswa berwibawa di politeknik [level of generic skills in cultivating capable leadership in polytechnic students]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 78-91.

## **PENGENALAN**

Mengikut akta 174, majlis perwakilan pelajar merupakan satu pertubuhan yang ditubuhkan di peringkat Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976 memperuntukkan bahawa salah satu tujuan penubuhan majlis perwakilan pelajar adalah untuk memupuk semangat berpersatuan dalam kalangan pelajar institusi. Selain itu, tujuan penubuhan majlis perwakilan pelajar adalah untuk melahirkan barisan pemimpin pelajar yang berwibawa (JPP, 2010).

Amalan pemilihan jawatan kuasa majlis perwakilan pelajar bagi seluruh politeknik Malaysia dilakukan setahun sekali iaitu melalui proses pilihan raya kampus. Di Politeknik Sultan Idris Shah, Jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar bagi tahun 2020 dipilih melalui proses pilihan raya kampus telah berlangsung pada 8 Januari 2020. Daripada 50 orang pelajar yang telah menawarkan diri sebagai calon bagi pilihan raya kampus tersebut, seramai 27 orang pelajar terpilih membarisi kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah bagi tahun 2020. Di peringkat Politeknik Malaysia pula, Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Kebangsaan (MPPPK) juga ditubuhkan. Hal ini sejajar dengan pernyataan yang menyebut tentang penglibatan Majlis Perwakilan Pelajar dari setiap institusi, maka ditubuhkan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (Saifudin, 2009).

Jika dinilai dengan baik, penubuhan Majlis Perwakilan Pelajar di setiap institusi sebenarnya menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang antara lain menggariskan pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Akta 550). Lonjakan pertama dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) dengan jelas menggariskan objektif bagi membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara (KPM, 2015). Maka dengan ini sewajarnya para pelajar yang terpilih sebagai Majlis Perwakilan Pelajar mempunyai tahap kemahiran generik yang diperlukan bagi membolehkan mereka bertindak selaku pemimpin pelajar di institusi masing-masing.

Sistem pendidikan khususnya di peringkat pengajian tinggi perlu memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan kemahiran generik dalam kalangan pelajar. Peri pentingnya kemahiran generik diterapkan kepada para pelajar khususnya pelajar di institusi pengajian tinggi adalah untuk memberi pengetahuan, pengalaman dan bekalan yang secukupnya bagi menempuh alam pekerjaan kelak. Saranan diberikan agar pelajar yang keluar dibekalkan kemahiran yang bermanfaat, relevan dan memangkin kepada keinginan untuk belajar sepanjang hayat (Mohd Safarin & Kamaruddin, 2004). Ruang dan peluang terbaik bagi melatih pelajar dengan kemahiran ini adalah dengan penglibatan pelajar dalam persatuan dan lebih lagi apabila mereka terlibat dalam badan kepimpinan tertinggi institusi iaitu Majlis Perwakilan Pelajar.

Matlamat Falsafah Pendidikan Negara adalah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Oleh yang demikian, pelajar yang telah menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar bukan sahaja perlu menitikberatkan proses menimba ilmu di bilik-bilik kuliah, sebaliknya perlu diseimbangkan dengan kemahiran generik.

Beberapa pentafsiran telah diberikan terhadap maksud kemahiran generik. Menurut Mahyudin (2011), kemahiran generik antara lain merangkumi kemahiran komunikasi, kemampuan menyelesaikan masalah, tingkah laku individu, kebolehan menguruskan organisasi dan kaedah membuat keputusan. Kemahiran generik juga boleh dinilai melalui beberapa instrumen seperti kemahiran kerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi, daya kepimpinan, pemikiran kritis, kemampuan menyelesaikan masalah, proses pembelajaran sepanjang hayat, etika, moral dan profesional dalam pengurusan (Siti Rahayah et al. 2010). Menurut Kearns (2001) pula, kemahiran generik meliputi kesediaan untuk bekerja, sifat bekerja individu, kemahiran dalam keusahawanan, sikap kreativiti dan inovasi, Kemahiran interpersonal dan menaakul serta sikap untuk ingin belajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini adalah bagi mengenal pasti kemahiran generik terhadap pelajar Politeknik Sultan Idris Shah yang telah menjadi ahli Majlis Perwakilan Pelajar. Manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap kemahiran dalam kepimpinan pelajar
2. Mengetahui keupayaan dalam memberi kerjasama secara berkumpulan.
3. Mengetahui keupayaan pelajar dalam menyelesaikan masalah yang rumit.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pelajar di institusi pengajian tinggi tidak seharusnya terlalu fokus kepada peningkatan taraf akademik semata-mata dengan mengesampingkan kemahiran lain yang perlu dibangunkan dalam jati diri. Dalam mendepani dunia globalisasi yang penuh cabaran kini, kemahiran generik adalah salah satu kemahiran yang sangat diperlukan oleh pelajar (Aminuddin et al. 2006). Sebagai contoh dalam sektor pekerjaan, permintaan kepada tenaga kerja kini melihat kepada kemahiran generik yang cemerlang di samping kelulusan akademik (Tan & Goh, 2009) dan kemahiran generik merupakan kemahiran yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan (Gibb & Curtin, 2004). Di negara-negara barat, pekerja-pekerja lebih berdaya saing dan berkelayakan apabila mereka mempunyai kelebihan dalam kemahiran generik (Utusan Malaysia, 2006). Kerana itu Kemahiran generik ini menjadi faktor penting berkenaan kebolehpasaran graduan dari institusi pengajian tinggi (Siti Halijah & Mohd Faizal, 2018).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohd Hasril Amiruddin at.all (2016) terhadap amalan kemahiran generik dalam kalangan pelajar kejuruteraan di Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan gambaran yang jelas tentang peri pentingnya kemahiran generik seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja

berkumpulan dan penyelesaian masalah diamalkan dalam kalangan para pelajar di institusi pengajian tinggi.

Seri Bunian Mokhtar dan Ramlee Mustapha (2015) pula berpendapat bahawa faktor persekitaran pembelajaran boleh mempengaruhi perkembangan kemahiran generik dalam kalangan pelajar di politeknik. Oleh yang demikian, kurikulum di politeknik perlu lebih peka dan selari dengan perubahan persekitaran semasa bagi melahirkan graduan yang mempunyai tahap kemahiran generik yang tinggi.

## **METODOLOGI**

Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kuantitatif di mana data diperolehi melalui kaedah soal selidik. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemahiran generik Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah tahun 2020. Ia merupakan satu instrumen yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.

Borang soal selidik yang dibina mengandungi dua bahagian utama iaitu bahagian A yang mengandungi maklumat demografi sampel yang merangkumi jantina, jabatan dan semester. Bahagian B pula mengandungi item-item soalan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kemahiran generik yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran dalam kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan penyelesaian masalah.

Dalam kajian ini, populasi yang dipilih oleh pengkaji merupakan pelajar-pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah yang terdiri daripada semester dua hingga semester lima dan merentasi jabatan. Seramai 27 orang pelajar bersamaan dengan 14 orang pelajar lelaki dan bakinya iaitu 13 orang pelajar perempuan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Analisis kajian hasil daripada pengumpulan data secara kuantitatif merupakan kaedah pengumpulan data teras dalam kajian ini. Dalam kajian ini, instrumen kajian kuantitatif yang digunakan oleh pengkaji ialah dengan menggunakan borang soal selidik di mana satu set soalan telah disediakan untuk pelajar-pelajar daripada Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah. Maklumat yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Science V.21*(SPSS V.21). Soal selidik kajian ini distruktur dengan mengandungi dua komponen utama iaitu;

- a. Bahagian A: Mengandungi latar belakang demografi pelajar seperti jantina, jabatan dan semester.
- b. Bahagian B: Mengandungi empat puluh item soalan yang terdiri daripada empat kategori iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran dalam kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan penyelesaian masalah

## Kemahiran Komunikasi

Analisis dan hasil dapatan kajian terdiri dari bentuk data kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik. Semua dapatan kajian ini dibahas dan dianalisis dengan menggunakan program SPSS V. 21. Data dianalisis menggunakan peratus sementara keputusan min dan sisihan piawai digunakan untuk membuat kesimpulan pada konstuk Kemahiran Komunikasi.

**Jadual 1** : Kemahiran Komunikasi

Kod	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
D 1	Saya boleh berkomunikasi dengan baik ketika melakukan pembentangan			3 (11.1%)	15 (55.6%)	9 (33.3%)	4.22	.641
D 2	Saya boleh berkomunikasi dengan baik ketika berinteraksi dengan rakan				15 (55.6%)	12 (44.4%)	4.44	.506
D 3	Saya sentiasa memberi tumpuan ketika rakan memberikan penjelasan			1 (3.7%)	11 (40.7%)	15 (55.6%)	4.51	.579
D 4	Saya sering mendapat idea yang bernas ketika berkomunikasi dengan baik			3 (11.1%)	11 (40.7%)	13 (48.1%)	4.37	.687
D 5	Saya sering melakukan perbincangan dengan rakan sewaktu membuat aktiviti dalam kumpulan				15 (55.6%)	12 (44.4%)	4.44	.506
D 6	Saya sentiasa mendengar dengan teliti penerangan rakan sebelum memberikan pendapat				12 (44.4%)	15 (55.6%)	4.55	.506
D 7	Saya sering berinteraksi dengan rakan seorganisasi yang berlainan bangsa dan agama				13 (48.1%)	14 (51.9%)	4.51	.509
D 8	Saya bersedia menjadi penghubung bicara di antara dua pihak yang bertelagah			3 (11.1%)	13 (48.1%)	11 (40.7%)	4.29	.668

D 9	Saya bersedia untuk mempelbagaikan kemahiran berkomunikasi selain lisan seperti bahasa isyarat	7 (25.9%)	10 (37.0%)	10 (37.0%)	4.11	.800
D 10	Saya akan berusaha menjadikan kemahiran komunikasi sebagai satu <i>skill</i> yang penting pada saya untuk masa hadapan		13 (48.1%)	14 (51.9%)	4.51	.509

Menurut Nussabaum (2007), kemahiran komunikasi adalah suatu kebolehan untuk mewujudkan interaksi atau hubungan melalui medium perantara atau sebaliknya dengan orang lain. Ia meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam berkomunikasi, dan juga mempunyai kaitan dengan penggunaan teknologi. Kemahiran ini penting kepada pelajar dalam menjadikan sesuatu organisasi itu berjaya mencapai matlamat yang dirancang dengan lancar dan cemerlang.

Jadual 1 di atas merupakan konstruk kemahiran komunikasi yang diambil daripada responden. Secara keseluruhan peratusan item-item yang diuji menunjukkan responden sangat mementingkan aspek komunikasi ketika melakukan aktiviti yang melibatkan interaksi dua hala. Hal ini dibuktikan dengan peratusan pada semua item dari D1 hingga D10 berada pada paras peratusan yang sangat baik. Iaitu dari 74% hingga 100%. Dapatan ini juga menggambarkan bahawa responden yang terdiri daripada warga MPP PSIS sangat cakna kepada keperluan berinteraksi dengan baik sesama komuniti di samping dapat mengaplikasikan kemahiran komunikasi dengan baik.

Daripada 10 item yang diajukan kepada responden, hanya item D9 sahaja yang kurang memberangsangkan di mana peratusan yang diperolehi ialah 74%. Hal yang demikian adalah kerana kemahiran berbahasa isyarat merupakan kemahiran berkomunikasi yang agak sukar dikuasai oleh orang normal. Namun demikian, peratusan D9 tersebut masih berada pada tahap yang baik dan kesediaan responden untuk mempelajari bahasa isyarat menunjukkan bahawa responden mempunyai iltizam yang tinggi untuk mempelajari dan menguasai bahasa isyarat bagi tujuan komunikasi.

Dapatan min dan sisihan piawaian juga menunjukkan jawapan yang sama iaitu kemahiran komunikasi dalam kalangan ahli MPP PSIS berada pada tahap yang sangat baik. Hal ini dibuktikan dengan dapatan min berada pada paras 4.11 hingga 4.55. Sementara itu, dapatan min keseluruhan bagi semua item yang ditanya kepada responden ialah 4.40 sementara sisihan piawainya pula ialah 0.59.

### **Kemahiran dalam Kepimpinan**

Bagi konstruk kedua yang memerihalkan tentang kemahiran dalam kepimpinan ahli Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah, pengkaji telah mengemukakan sebanyak 10

soalan dalam borang soal selidik. Hasil dapatan kajian bagi item-item soal selidik adalah seperti yang terdapat dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Kemahiran dalam Kepimpinan

Kod	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
E 1	Kerjasama dalam satu kumpulan dalam melaksanakan program adalah sangat penting dalam kemahiran kepimpinan.				8 (29.6%)	19 (70.4%)	4.70	.465
E 2	Saya menjaga hubungan yang baik sesama ahli kumpulan.			1 (3.7%)	7 (25.9%)	19 (70.4%)	4.66	.554
E 3	Saya boleh menerima keputusan yang telah dipersetujui oleh ahli kumpulan.				11 (40.7%)	16 (59.3%)	4.59	.501
E 4	Pemimpin yang baik akan menyelesaikan perselisihan faham yang dihadapi antara ahli kumpulan dengan kadar segera.			1 (3.7%)	9 (33.3%)	17 (63.0%)	4.59	.572
E 5	Keupayaan menggalas tanggungjawab yang diberikan sebagai ketua kumpulan adalah tugas yang mudah.	1 (3.7%)	1 (3.7%)	9 (33.3%)	11 (40.7%)	5 (18.5%)	3.66	.960
E 6	Saya bersedia memberikan kerjasama yang			1 (3.7%)	13 (48.1%)	13 (48.1%)	4.44	.577

	konsisten selagi diperlukan oleh ahli kumpulan.					
E 7	Saya boleh memberikan arahan kepada ahli kumpulan dalam pembahagian tugas.	4 (14.8%)	16 (59.3%)	7 (25.9%)	4.11	.640
E 8	Saya sentiasa memberikan penghargaan kepada ahli kumpulan yang menjalankan tugas dengan cemerlang.	3 (11.1%)	14 (51.9%)	10 (37.0%)	4.26	.656
E 9	Saya boleh mengawal emosi terhadap ahli kumpulan walaupun dalam keadaan yang mencabar sewaktu melaksanakan kerja.	1 (3.7%)	17 (63.0%)	9 (33.3%)	4.30	.541
E 10	Seorang yang mempunyai kepimpinan yang cemerlang mampu menganalisis situasi kompleks dengan tepat dan cepat.	3 (11.1%)	14 (51.9%)	10 (37.0%)	4.26	.656

Jadual 2 di atas menunjukkan taburan peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai bagi kategori dua iaitu berkaitan Kemahiran Dalam Kepimpinan. Seperti mana dapatan pada konstruk kemahiran komunikasi, konstruk kemahiran dalam kepimpinan juga menunjukkan dapatan yang sama sama ada pada dari sudut peratusan mahupun min. Peratusan keseluruhan bagi konstruk ini adalah sangat tinggi iaitu 90.79% sementara min keseluruhan pula ialah 4.36. Dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan dalam kalangan ahli MPP PSIS adalah sangat tinggi, sekali gus membuktikan bahawa ahli MPP PSIS sangat mahir dalam memimpin.

Item E1 dan E3 mendapat keputusan 100% membuktikan bahawa ahli MPP PSIS suka bekerjasama dan bersedia menerima keputusan yang telah diputuskan secara kolektif.



Sementara item E2, E4, E6, E7, E8, E9 dan E10 menunjukkan dapatan peratusan yang sangat tinggi iaitu di antara 85.8% hingga 96.3%. Dapatan ini juga membuktikan bahawa ahli MPP PSIS sangat berdedikasi dalam menjalankan amanah sebagai pemimpin dan pemilihan mereka sebagai pimpinan mahasiswa di PSIS adalah tepat sekali.

Meskipun begitu, dapatan pada item E5 menunjukkan dapatan peratusan dan min adalah rendah iaitu 59.2%. Hal yang demikian adalah kerana responden tidak punya keyakinan yang tinggi untuk mengatakan bahawa tanggungjawab sebagai ketua kumpulan adalah mudah di mana seramai 40.8% ahli MPP PSIS mengatakan tanggungjawab sebagai ketua kumpulan adalah susah dan mencabar.

### 5.3 Kerjasama Dalam Kumpulan

Analisis dan hasil dapatan kajian terhadap konstruk kerjasama dalam kumpulan dinyatakan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kerjasama dalam Kumpulan

Kod	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai
F 1	Saya sering bekerja keras dalam mencapai matlamat organisasi.				17 (63.0%)	10 (37.0%)	4.37	.492
F 2	Saya sering memberi kerjasama ketika melakukan aktiviti dalam kumpulan.				15 (55.6%)	12 (44.4%)	4.44	.506
F 3	Saya cepat menyesuaikan dengan ahli kumpulan yang lain.			2 (7.4%)	10 (37.0%)	15 (55.6%)	4.81	.643
F 4	Saya mampu menelaraskan hasil usaha kumpulan bagi mencapai matlamat organisasi.			1 (3.7%)	15 (55.6%)	11 (40.7%)	4.37	.565
F 5	Saya sering melaksanakan perbincangan dengan rakan semasa menjalankan aktiviti			3 (11.1%)	15 (55.6%)	9 (33.3%)	4.22	.640
F 6	Saya boleh bekerja dengan rakan dari pelbagai peringkat umur, jantina, bangsa dan agama.			1 (3.7%)	13 (48.1%)	13 (48.1%)	4.44	.577

F 7	Saya berkeupayaan menyelesaikan masalah yang ada dalam organisasi.	1 (3.7%)	15 (55.6%)	11 (40.7%)	4.37	.565
F 8	Saya sering melakukan aktiviti sumbang saran di antara ahli dalam kumpulan.	4 (14.8%)	14 (51.9%)	9 (33.3%)	4.19	.681
F 9	Saya mampu untuk membezakan kebaikan dan keburukan bagi keputusan yang telah diambil oleh ahli kumpulan.		13 (48.1%)	14 (51.9%)	4.52	.509
F 10	Pemikiran kreatif dan perbincangan dengan ahli kumpulan akan memupuk kerjasama yang baik dalam menyelesaikan tugas dengan lebih mudah.		16 (59.3%)	11 (40.7%)	4.41	.501

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai bagi kategori tiga berkaitan dengan kerjasama dalam kumpulan. Kerja berpasukan merupakan satu perkara yang penting kerana ia dapat menyatukan seluruh ahli organisasi dalam usaha meningkatkan mutu dan kualiti kerja sesebuah organisasi. Dengan bertindak sebagai satu pasukan, berbagai bidang kepakaran, pengetahuan dan kemahiran dapat digembleng untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Joiner (1994) menyatakan kecemerlangan sesuatu organisasi adalah bergantung kepada gaya pengurusan yang berkesan.

Dapatan peratusan keseluruhan bagi konstruk kerjasama dalam kumpulan adalah sangat baik iaitu sejumlah 95.5% bersetuju dengan mengatakan bahawa kerjasama dalam kumpulan merupakan perkara yang penting dalam melancarkan pengurusan organisasi MPP PSIS. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan dapatan 100% pada item F1, F2, F9 dan F10 yang memerihalkan tentang kesediaan ahli MPP PSIS untuk berkorban dari segi fizikal dan mental dalam usaha melancarkan urusan organisasi MPP PSIS. Prestasi dapatan min juga menunjukkan jawapan yang sama dengan dapatan peratusan di mana min keseluruhan bagi 10 item berada pada tahap sangat baik iaitu 4.41.

Daripada 10 item soalan yang diajukan kepada responden, hanya 4.5% sahaja yang memberi jawapan TP (Tidak Pasti) iaitu pada item F3, F4, F5, F6 dan F7. Namun begitu, dapatan daripada 6 item tersebut tetap menunjukkan peratusan yang sangat tinggi iaitu 92.6% berbanding 7.4% yang memberi jawapan tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa tahap kemahiran generik yang berkaitan kerjasama dalam kumpulan adalah sangat tinggi dan baik dalam kalangan ahli MPP PSIS. Keadaan sebegini mampu membawa organisasi mencapai matlamat dan program yang dirancang dengan jayanya.

## Penyelesaian Masalah

Analisis dan hasil dapatan kajian Tahap Kemahiran Generik Terhadap Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah Tahun 2020 bagi kategori Penyelesaian Masalah mengandungi 9 soalan yang dinyatakan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Penyelesaian Masalah

Kod	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai
G 1	Saya berupaya untuk menyelesaikan masalah yang diberikan dalam masa yang ditetapkan.			9 (33.3%)	12 (44.4%)	6 (22.2%)	3.89	.751
G 2	Saya berupaya untuk mengenal pasti maklumat yang diperlukan dalam menyelesaikan masalah..			2 (7.4%)	18 (66.7%)	7 (25.9%)	4.19	.557
G 3	Saya berupaya memilih beberapa kaedah yang sesuai dalam menyelesaikan masalah.			5 (18.5%)	16 (59.3%)	6 (22.2%)	4.04	.649
G 4	Saya boleh merancang strategi yang boleh digunakan dan diterima oleh individu yang terlibat dalam menyelesaikan masalah.			1 (3.7%)	17 (63.0%)	9 (33.3%)	4.30	.542
G 5	Saya mampu menunjukkan pemikiran kritis dan kreatif dalam menyelesaikan tugas yang diberikan		1 (3.7%)	3 (11.1%)	13 (48.1%)	10 (37.0%)	4.19	.786

G 6	Saya mampu untuk membangunkan proses yang efektif untuk menyelesaikan masalah.	3 (11.1%)	16 (59.3%)	8 (29.6%)	4.19	.622
G 7	Saya boleh membuat penilaian untuk proses yang dijalankan dalam menyelesaikan masalah.	1 (3.7%)	17 (63.0%)	9 (33.3%)	4.30	.542
G 8	Saya perlu menyemak semula proses penyelesaian masalah dengan mengekalkan kebaikan dan menambah baik proses yang telah dijalankan.	3 (11.1%)	15 (55.6%)	9 (33.3%)	4.22	.641
G 9	Saya akan menggunakan teknik menyoal kepada diri sendiri dalam menyelesaikan masalah sewaktu diberikan tugas.	2 (7.4%)	12 (44.4%)	13 (48.1%)	4.41	.636

Jadual 4 di atas menunjukkan taburan peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai bagi kategori Penyelesaian Masalah Kajian Kemahiran Generik Terhadap Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah. Menurut Ma'rof Redzuan dan Haslinda Abdullah (2003), penyelesaian masalah adalah satu cubaan mencari atau satu cara yang sesuai dan berkesan dalam mencapai sesuatu matlamat. Kemahiran menyelesaikan masalah merupakan satu kemahiran generik yang sangat penting dalam pengurusan organisasi dalam usaha membantu para pelajar menyelesaikan masalah yang timbul di persekitaran mereka. Hasil dapatan kajian dalam konstruk Penyelesaian Masalah mendapati bahawa peratusan keseluruhan bagi 9 item yang diajukan kepada responden adalah sangat baik iaitu 87.6% bersetuju berbanding hanya 12.6% sahaja yang tidak bersetuju dengan item-item yang ditanya. Item yang mendapat peratusan tertinggi ialah G4 dan G7 (96.3%) diikuti oleh G2 dan G9 (92.5%), G6 dan G8 (88.9%), G5 (85.1%) dan G3 (81.5%). Sementara item yang mendapat peratusan terendah pula ialah G1 (66.6%). Meskipun peratusan pada G1 adalah yang paling rendah namun, dapatan itu tetap menunjukkan bahawa ahli MPP PSIS masih berupaya menyelesaikan masalah dalam masa yang ditetapkan adalah tinggi. Hal yang demikian adalah kerana 33.3% responden hanya memilih jawapan kurang setuju dengan pernyataan item tersebut,

bukannya tidak setuju atau sangat tidak setuju. Pengkaji merasakan sekiranya responden tersebut diasuh dan dipimpin dengan baik tentunya mereka juga akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapinya dalam masa yang ditetapkan seperti ahli MPP PSIS yang lain.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya tahap kemahiran generik terhadap Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah adalah amat tinggi. Hal ini dapat dibuktikan dengan peratusan keseluruhan bagi keempat-empat konstruk ialah 89.67%, sementara dapatan min keseluruhan pula ialah 4.34. Data peratusan dan min secara jelas dan positif membuktikan bahawa ahli MPP PSIS sangat mengamati kebolehan dalam kemahiran generik iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran dalam kepimpinan, kerjasama dalam kumpulan dan penyelesaian masalah.

Adalah diharapkan kemahiran generik ini menjadi penanda aras dan kayu ukur terpenting dalam mengembangkan menilai dan mengangkat bakat dan nilai kaliber pembentukan pimpinan pelajar di Politeknik khususnya dan serata Institut Pengajian Tinggi amnya. Kepimpinan utama politeknik juga diharapkan sentiasa lebih terbuka meraikan idea serta hala tuju pemikiran kepimpinan pelajar ini yang dilihat berpotensi jauh hasil daripada pengukuran asas kajian kemahiran generik terhadap Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Sultan Idris Shah.

## RUJUKAN

- Akta 174, Seksyen 7 Bahagian III, *Akta Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976*.  
Akta 550. *Akta Pendidikan 1996*.
- Aminuddin, N. A., Abdullah, W. S., & Mohd Amin, W. A. (2006). *Perbezaan Dalam Dimensi Kemahiran Generik Pelajar Baru KUSTEM*. In National Student Development Conference. Kuala Lumpur: NASDEC.
- Gibb, J. & Curtin, P. (2004). *Overview generic skills: Research readings*. Kengsington Park: National Centre for Vocational Education Research (NCVER) Ltd.
- Jabatan Pengajian Politeknik (2010), *Garis Panduan Pengurusan Dan Pelaksanaan Pilihanraya Kampus Politeknik - Putrajaya* Jabatan Pengajian Politeknik: 2010
- Joiner (1994). *Fourth generation management*. New York: McGraw-Hill.
- Kearns, P. (2001). *Generic Skills For The New Economy*. NCVER, Adelaide
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Diambil dari : <https://people.utm.my/nurhazirah/files/2018/10/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-Malaysia-2015-2025.pdf>
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2003). *Psikologi*. (2nded). Universiti Putra Malaysia, Shah Alam: Mc Graw-Hill.
- Mahyuddin Arsat dan Sri Dewi Rahimi (2011). *Kemahiran Generik Dalam Latihan Industri Terhadap Pembentukan Kerjaya Jurutera Di Dyson Manufacturing Sdn Bhd*. Latihan Ilmiah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Ngadiran, Fathin Liyana Zainudin, Norhayati Ngadiman (2016), Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu, *Malaysian Journal of Society and Space*, 3: 111-121

- Mohd Safarin Nordin & Kamaruddin Md. Tahir (2004). *Kemahiran generik: kepentingan dalam memenuhi keperluan majikan masa kini*. Kertas Kerja Seminar Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nussabaum, J.F. & Williams, A. (2007). *Intergenerational Communication Across The Life Span*. New York: Lawrence Erlbaum Assoc. Inc
- Saifuddin Abdullah (2009). Kalau Saya Mahasiswa. E-book. Diambil dari : [http://www.saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau\\_saya\\_mahasiswa\\_2.pdf](http://www.saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau_saya_mahasiswa_2.pdf)
- Seri Bunian Mokhtar & Ramlee Mustapha (2015), Pengaruh Faktor Persekitaran Pembelajaran Terhadap Tahap Kemahiran Generik Dari Perspektif Pelajar Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi, *Prosiding Penyelidikan Siswazah*, ms 43 -55
- Siti Halijah & Mohd Faizal (2018). Hubungan di antara kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar semesta akhir politeknik. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(19): 01- 18.
- Siti Rahayah Ariffin, Jamil Ahmad & Nur' Ashiqin Najmuddin (2010). Pembangunan instrumen kemahiran generik pelajar berasaskan penilaian pensyarah dengan menggunakan model pengukuran Rasch pelbagai faset. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 43-50.
- Tan King Hiyang dan Goh Eg Su (2010). Profil Kemahiran Generik Untuk Graduan Hospitaliti: Perspektif Majikan Sektor Perhotelan Zon Tengah Dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia, *Kemahiran Inaniah: Kajian di Institusi-Institusi Pengajian*, UTHM: 205-222
- Utusan Malaysia* (2006). *Graduan Perlu Tingkat Kemahiran Insaniah*. 6 Februari 2006.